

KONSERVASI
JASMI ABDUL

Pipit Tanah Sering Bersendirian



Pipit tanah atau dalam bahasa Inggris dipanggil Richard's pipit mempunyai nama saintifik, iaitu *Anthus novaeseelandiae* dan merupakan satu daripada spesies burung liar yang bersaiz kecil yang mudah ditemukan di kawasan tanah lapang, padang bola, sawah padi dan kawasan padang ragut. Burung ini termasuk dalam kumpulan keluarga Motacillidae. Panjang keseluruhan badannya adalah antara 18 cm hingga 20.5 cm. Pipit tanah juga boleh ditemukan pada ketinggian 1850 méter dari paras laut.

Warna bulu pipit tanah ialah berbelak-belak atau bercampur-campur antara coklat dengan kelabu, manakala kakinya panjang dan berwarna kuning kemerahan. Kakinya yang panjang ini memudahkan pipit tanah melompat-lompat di atas tanah sambil berlari. Hal ini berbeza daripada jenis pipit lain, seperti pipit pinang dan pipit uban, yang mempunyai kaki yang pendek, yang memudahkannya bertenggek di atas batang padi atau sendayan semasa mencari makanan.

Pipit tanah sering ditemukan bersendirian atau berpasangan ketika mencari makan dan banyak menghabiskan masanya mencari makanan di atas tanah.

Paruh pipit tanah panjang dan tirus memudahkannya menangkap serangga kecil yang merayap di atas tanah seperti belalang padang, cengkerik, semut dan anai-anai. Bahagian atas paruhnya berwarna gelap, manakala bahagian bawahnya pula berwarna kuning kemerahan. Matanya bulat dan berwarna hitam. Bunyinya nyaring, iaitu "telancap, telancap, telancap" dan berbunyi semasa terbang bagi melarikan diri daripada musuhnya atau apabila terlihat musuh menghampirinya.

Unggas ini juga akan berlari dengan pantas apabila dihampiri oleh makhluk lain, selain akan mengeluarkan bunyi yang nyaring apabila terperanjat lalu terbang melarikan diri. Di sesetengah tempat pula, burung ini dikenali sebagai burung "telancap" kerana nama tersebut diambil berdasarkan bunyinya itu. Cara terbangnya juga agak berbeza daripada burung yang lain kerana ketika terbang burung ini akan terbang turun dan terbang naik semula, tidak mendarat seperti spesies yang lain.

Di samping itu, pipit tanah tidak seperti burung pipit pinang atau pipit uban yang gemar terbang berkawan atau terbang dalam kumpulan yang besar. Pada kebiasaannya, unggas ini ditemukan bersendirian atau berpasangan. Pipit tanah mencari makan bersendirian atau berpasangan dan banyak menghabiskan masanya mencari makanan di atas tanah. Bulunya yang berwarna coklat bercampur warna gelap seperti warna tanah tidak mudah dilihat oleh musuhnya semasa berada di atas tanah. Apabila dihampiri, pipit tanah

akan berlari laju dan kemudian terbang menjauhi diri daripada musuhnya. Jarak terbangnya pula tidak jauh, iaitu hanya beberapa meter dari tempat asal burung ini berada.

Habitat utama pipit tanah ialah kawasan padang rumput, padang ragut, kawasan lapang, padang bola, sawah padi dan kawasan yang baru dibuka bagi tujuan pertanian. Habitat seumpama ini amat sesuai didiami oleh burung pipit tanah kerana kawasan lapang ini memudahkannya bergerak, melarikan diri daripada musuhnya, mencari makanan

dan bertelur. Kawasan yang lapang begini juga memudahkan pergerakannya seraya mengawasi akan kehadiran musuhnya. Di samping itu, keadaan kawasan yang lapang sedemikian terdapat banyak serangga kecil yang menjadi makanannya seperti belalang padang, anai-anai, semut, cengkerik dan kelekatu. Kawasan hutan rimba yang gelap atau hutan paya bakau yang sentiasa lembap dan berair amat tidak sesuai didiami oleh spesies ini.

Sementara itu, makanan utama pipit tanah terdiri daripada serangga kecil yang terdapat di kawasan padang rumput atau di kawasan kering di sawah padi, khususnya yang terdapat di atas batas sawah. Serangga yang merayap di atas permukaan tanah, seperti belalang padang, cengkerik, semut, kelekatu dan anai-anai, menjadi makanan utama spesies ini. Burung ini akan keluar pada awal pagi untuk mencari makanannya. Serangga kecil yang keluar pada waktu pagi dan merayap di atas tanah akan dimakannya. Paruhnya yang tajam itu dengan mudah



Sarang pipit tanah diperbuat daripada rumput kering yang dibina berbentuk seperti sebuah mangkuk kecil.

dapat menangkap serangga kecil yang merayap. Buah rumpun yang telah masak dan jatuh ke tanah juga akan dimakan oleh pipit tanah.

Musim membiak bagi burung pipit tanah adalah pada musim kering, iaitu antara April hingga Julai pada setiap tahun. Burung pipit tanah membina sarangnya di atas tanah lapang atau kawasan yang berumput. Sarangnya diperbuat daripada rumput kering yang dibina berbentuk seperti mangkuk kecil. Lazimnya pipit tanah bertelur dua biji hingga tiga biji telur kecil yang berwarna putih. Telur ini akan dieramkan oleh burung betina selama dua minggu hingga tiga minggu sebelum menetas.

Anak burung yang masih kecil memerlukan penjagaan sepenuhnya daripada ibunya, seperti memberikan makanan dan melindungi anaknya daripada hujan dan panas. Anak burung yang masih kecil ini mudah menjadi mangsa kepada burung gagak dan semut api jika dibiarkan tanpa dijaga oleh ibunya. Anak burung akan keluar



Habitat utama pipit tanah ialah kawasan padang rumput, sawah padi dan kawasan lapang.



Pipit tanah dikenali sebagai burung "telancap" kerana bunyinya.

terbang bersama-sama dengan ibunya setelah semua bulu kepaknya tumbuh. Pada kebiasaannya, burung pipit tanah dewasa akan berpisah dengan ibunya untuk mencari kawasan keliaran yang baharu, tidak seperti pipit pinang atau pipit uban yang gemar membentuk kumpulan yang besar semasa mencari makanan.

Musuh utama pipit tanah ialah kucing kampung, biawak air dan biawak tikus. Kucing kampung yang berkeliaran di padang atau kawasan berhampiran dengan padang amat menggemari pipit tanah. Kucing kampung akan menghampiri pipit tanah secara senyap dan menerkamnya apabila jarak sudah hampir. Biawak air dan biawak tikus pula akan membaham anak atau telur pipit tanah yang masih berada di sarang. Selain itu, helang sikap juga akan membaham pipit tanah yang dijumpainya. Pipit tanah amat mudah disambar oleh burung helang kerana pergerakannya yang agak perlahan.

Pipit tanah tiada nilai komersial dan tidak diminati oleh penggemar burung untuk dipelihara. Pipit tanah akan berada di kawasan keliarannya walaupun pada musim kering kerana makanannya seperti serangga kecil masih mudah didapati walaupun pada musim kering dan panas.

Pipit tanah ialah sejenis burung liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Bilangan 716 tahun 2010. Sesiapa yang didapati membunuh, menangkap atau memelihara burung pipit tanah boleh didenda hingga RM100 ribu atau dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 68 (a) dalam akta yang sama. Walaupun pipit tanah tidak mempunyai nilai komersial, burung ini amat bernilai dalam ekosistem alam semula jadi di negara ini. Tanpa kehadirannya di kawasan padang rumput atau di kawasan sawah padi, maka ekosistem tersebut seolah-olah tidak lengkap.